



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-4/401/329 KLT.3/(80)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 3/2013

KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN

1. Tujuan

- 1.1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan kadar dan syarat-syarat bayaran saguhati kepada pegawai Kerajaan yang memberi syarahan / ceramah secara sambilan atau menjadi fasilitator sambilan dalam kursus / bengkel / majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian /Jabatan.

2. Kadar Bayaran Saguhati Pensyarah/Penceramah Sambilan Atau Fasilitator Sambilan

- 2.1. Semua pegawai tetap, kontrak dan sementara yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:-

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati (RM) Sejam		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/ Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00	RM100.00	Tidak melebihi $\frac{1}{2}$ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00	RM100.00	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 – 52	RM150.00	RM90.00	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 – 44	RM120.00	RM80.00	
Kumpulan Pelaksana	RM80.00	RM60.00	

2.2. Kelayakan bayaran saguhati ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

2.2.1. Pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;

2.2.2. Memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;

2.2.3. Pegawai dari unit / institusi latihan / pengajian, maktab / institusi perguruan dan sekolah di mana tugas memberi syarahan / ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati boleh dibayar sekiranya kursus / bengkel / majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan / institusi / maktab / sekolah yang sama;

2.2.4. Urusetia yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya tidak layak bayaran saguhati; dan

2.2.5. Bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh penganjur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam.

3. Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

4. Pembatalan

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
KOTA KINABALU

Tarikh: 6 Jun 2013

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil